



### **Proses pendaftaran bahasa – Maklumat untuk ibu bapa**

Semua pelajar yang ingin mendaftar kursus bahasa WACE diminta untuk menghantar *Application for permission to enrol in a WACE Language course* secara dalam talian kepada Pihak Berkuasa Kurikulum dan Piawaian Sekolah (Authority).

Permohonan dalam talian dilengkapkan oleh pelajar semasa mereka berada di Tahun ke-10\*.

Untuk melengkapkan aplikasi dalam talian, pelajar perlu menggunakan komputer, sama ada di rumah atau di sekolah. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, minta guru Bahasa atau pentadbir sekolah anak anda untuk membantu.

### **Maklumat yang diperlukan**

Anak anda perlu memberikan butir-butir berikut:

- perincian tentang sekolah yang dihadiri untuk setiap tahun persekolahan daripada Prasekolah
- laporan sekolah ketika mereka bersekolah di luar negara
- negara yang didiami sebelum ini
- negara yang pernah dilawati sebelum ini
- tujuan lawatan dalam negara
- tempoh lawatan dalam negara
- bahasa pertuturan pertama yang pelajar pelajari
- bahasa lain yang pelajar boleh tuturkan, baca dan tulis
- bahasa yang dituturkan oleh pelajar dengan ibu bapa atau penjaga dan dengan adik-beradik serta rakan-rakan mereka

### **Dokumen sokongan**

Anak anda perlu menyediakan gambar atau imbasan dokumen berikut:

- borang pengakuan ibu bapa/penjaga (wajib)
- halaman pengenalan pasport, jika berkenaan
- rekod pergerakan antarabangsa, jika berkenaan
- laporan sekolah luar negara, jika berkenaan.

Maklumat mengenai proses permohonan ini boleh didapati di laman web Authority <https://senior-secondary.scsa.wa.edu.au/syllabus-and-support-materials/languages>.

\* Ini juga terpakai untuk pelajar Tahun 9 yang akan memohon untuk mengikuti kursus Bahasa Tahun 11.